

Bil. 25

Khamis

27 Ogos 2020



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Penanaman Buluh di Bawah Kementerian  
Perusahaan Perladangan dan Komoditi**  
- *YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)* (Halaman 1)
- **Kewarganegaraan Keluarga Soon**  
*YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)* (Halaman 5)

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- **Kemasukan Peta Sabah Pada Muka Hadapan  
Pasport Filipina**  
- *YB. Datuk Liew Vui Keong (Batu Sapi)* (Halaman 8)

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 27 Ogos 2020**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua([Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Penanaman Buluh di Bawah  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di bawah Kerajaan Perikatan Nasional meneruskan dasar yang memasukkan buluh dalam senarai spesies yang disyorkan bagi Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH). Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh 2011 hingga 2020 yang menggariskan strategi untuk membangunkan industri buluh tidak dilaksanakan dengan serius dalam tempoh pentadbiran Barisan Nasional.

Di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, langkah-langkah telah diambil untuk membangunkan industri buluh mulai tahun 2019, termasuk keputusan untuk mewujudkan pelan tindakan pasca 2020. Terdapat 3 kategori saiz ladang dalam pelaksanaan pinjaman PPLH iaitu:

- (i) saiz ladang kecil 4 hingga 40 hektar;
- (ii) sederhana 41 hingga 2,499 hektar; dan
- (iii) besar 2,500 hektar ke atas.

Daripada saiz dana PPLH yang sebanyak RM1.045 bilion ini, sekurang-kurangnya RM400 juta diagihkan kepada pengusaha bumiputera. Ini termasuk RM28 juta yang khas kepada peminjam bumiputera yang menanam pokok dengan skala kecil. Walau bagaimanapun, oleh kerana peminjam dana skala kecil selalu menghadapi masalah berkenaan dengan isu cagaran tanah iaitu cuma RM2.1 juta pinjaman yang telah dipohon dan diluluskan sehingga tahun 2019.

Mengikut status pinjaman sehingga akhir tahun 2019, baki pinjaman untuk pinjaman bumiputera bagi ketiga-tiga kategori dan bukan bumiputera masing-masing adalah RM76,561,664.99 dan RM69,195,857.39. Saya ingin tanya beberapa soalan berkenaan dengan risalah hebahan Yang Berhormat Menteri tentang kriteria permohonan kredit bagi penanaman buluh di bawah PPLH.

Satu, berapa dana akan diperuntukkan bagi penanaman buluh. Kedua, memandangkan risalah PPLH yang memupuk penanaman buluh hanya sebut syarikat, koperasi, pertubuhan peladang dan individu bumiputera, apakah ini bermakna dasar PPLH bagi penanaman buluh hanya dihadkan kepada peminjam bumiputera sahaja.

Ketiga, sekiranya Dasar Penggalakan Tanaman Buluh telah ditukar kepada hanya untuk peminjam bumiputera sahaja, apakah kementerian telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan juga Kabinet? Keempat, apakah kadar bunga pinjaman 0.5 peratus untuk peminjam skala kecil dan 3 peratus untuk skala komersial iaitu saiz sederhana dan besar akan diteruskan.

Kelima, apakah status Pelan Tindakan Buluh Pasca 2020 sekarang? Bilakah pelan tersebut akan disempurnakan? Keenam, apakah perkembangan penyelidikan buluh bersama dengan FRIM di Kuala Terengganu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi atau Timbalannya untuk menjawab.

**2.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Okey, selamat tengah hari dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Seputeh kerana telah bertanyakan beberapa soalan yang bergalur mengenai industri buluh negara kita.

Ingin saya maklumkan, memang tidak dinafikan Yang Berhormat Seputeh memang begitu bergiat aktif untuk mempromosikan industri buluh kita semasa zaman pemerintahan PH bersama-sama dengan kita dahulu.

Namun begitu industri buluh ini sebenarnya bermula daripada zaman Barisan nasional tetapi ketika itu mungkin tidak ada kesungguhan daripada kerajaan-kerajaan lalu namun pada zaman PH, kita ada melihat sedikit

lonjakan daripada promosi itu dan perkara yang baik kita akan terus perkasakan dan kita akan terus memajukan industri buluh ini.

■1440

Untuk menjawab Yang Berhormat Seputeh, berapakah dana yang akan diperuntukkan bagi penanaman buluh ini. Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, dana yang telah diperuntukkan untuk ladang hutan buluh di bawah PPLH bagi skala besar dan sederhana iaitu tanah bersaiz 41 hektar dan ke atas adalah berjumlah RM15 juta. Sebanyak RM10 juta diperuntukkan untuk kategori bukan bumiputera dan RM5 juta diperuntukkan untuk kategori bumiputera.

Ini menunjukkan kerajaan ketika ini memang tidak '*pilih kasih*' dan kita malah memberi banyak kepada bukan bumiputera dan sementara di bawah projek skala kecil PPLH iaitu seluas 4 hingga 40 hektar, peruntukan bernilai RM28,360,200 disediakan bagi peminjam bumiputera untuk menanam pelbagai spesies ladang hutan termasuk spesies buluh.

Jadi, untuk menjawab soalan yang kedua mengenai risalah PPLH yang memupuk penanaman buluh hanya sebut syarikat koperasi, pertubuhan peladang dan individu bumiputera dan apakah ia bermakna dasar PPLH bagi penanaman buluh hanya dihadkan kepada peminjam bumiputera sahaja.

Saya ingin memperjelaskan bahawa pelaksanaan penanaman buluh di bawah PPLH adalah terbuka kepada semua dan tidak terhad kepada peminjam berstatus bumiputera sahaja. Kita adalah kerajaan prihatin dan kita akan prihatin tanpa mengira warna dan kulit masyarakat dan rakyat negara kita. Kelulusan pinjaman di bawah PPLH adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Pinjaman ini tertakluk kepada pecahan dana mengikut status permohonan seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam pelaksanaan PPLH dan untuk makluman tambahan, syarikat-syarikat yang telah memohon pinjaman ini adalah berjumlah lapan buah syarikat, di mana tiga adalah syarikat bumiputera dan lima adalah syarikat bukan bumiputera.

Saya ingin merungkai satu persatu nama syarikat yang kita bagi sebab kita memang percaya pada ketulusan dan syarikat bumiputera yang telah diterima permohonan mereka dan masih dalam proses adalah syarikat Bamboo Bio Composite Sdn. Bhd., New Generation Bamboo Sdn. Bhd., Koperasi AZ Pekan Berhad dan syarikat bukan bumiputera adalah KLT Plantation Sdn. Bhd., Borneo Timber Sdn. Bhd., Subur Tiasa Sdn. Bhd., Radikal Mutiara Sdn. Bhd. dan Cabaran Lantas Sdn. Bhd.

Ini membuktikan kesungguhan kita untuk memberi peluang dan ruang, kesamarataan kepada seluruh rakyat Malaysia yang berminat dan sama-sama kita melangkah untuk memartabatkan industri buluh negara kita.

Untuk soalan yang ketiga. Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan pinjaman mengikut status bumiputera dan bukan bumiputera adalah tertakluk kepada keputusan dan persetujuan daripada Kementerian Kewangan, sebagaimana yang ditetapkan mengikut dan melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 29 Mac 2013 yang menetapkan sekurang-kurangnya RM400 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan dasar sebanyak RM1.045 bilion diperuntukkan kepada syarikat-syarikat berstatus bumiputera.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak *'pilih kasih'*. Bermakna 40 peratus daripada RM1.045 bilion ini diberi kepada bumiputera malah bukan bumiputera menerima lebih banyak dan saya percaya bahawa dengan ada kesungguhan ini, kita bekerjasama untuk memperkasakan industri buluh ini sebab industri buluh ini begitu besar. Ia adalah UHD 80 bilion *business*. *So it's very huge for our country to penetrate and to contribute*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang keempat, kadar faedah yang sama masih tetap diteruskan bagi semua permohonan di bawah PPLH, seperti mana perjanjian pinjaman yang telah dimeteraikan dan semua permohonan dan perjanjian yang telah dimeteraikan kita akan tunai dan kita akan meneruskan apa yang baik yang telah dilakukan oleh kerajaan-kerajaan sebelum ini.

Untuk soalan yang kelima, Pelan Tindakan Buluh Negara iaitu 2021 ke 2030 akan dilancarkan pada penghujung tahun 2020 setelah input daripada pemegang taruh berkaitan diperolehi. Draf pelan tindakan tersebut kini di peringkat akhir penyediaan sebelum dilancarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh dan saya juga percaya sebagai mantan Yang Berhormat Menteri Komoditi, beliau semestinya juga arif mengenai langkah-langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan. Untuk makluman, di Sarawak kita telah memulakan penanaman 25 hektar di kawasan penanaman buluh di Hutan Simpanan Sabal di Kota Samarahan dan ini telah dilakukan beberapa tahun yang lalu dan juga untuk maklumat tambahan, kita juga ada penanaman buluh di Sik, Kedah iaitu 30 ekar.

Namun begitu, penanaman ini amatlah kecil bilangannya daripada saiz penanaman tetapi kita memang komited untuk memperkasakan industri buluh ini supaya kita boleh daripada lapan syarikat yang memohon permohonan tadi, kita berharapan besar supaya mereka dapat memperluaskan penanaman

buluh ini di negara kita dan sejurus dengan itu, ia boleh menambah pengeluaran produk-produk kayu kayan buluh untuk negara kita.

Seterusnya soalan yang terakhir, setakat ini MTIB tidak mempunyai penyelidikan mengenai buluh di Terengganu. Namun begitu MTIB dan FRIM akan terus bekerjasama dalam R&D buluh melalui bilateral MTIB dan juga FRIM. Kita akan terus menyuruh agensi-agensi kita untuk memperkasakan industri buluh ini.

Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Seputeh kerana kesungguhan beliau untuk menerajui dan juga mempromosikan industri buluh ini ketika beliau menjadi Menteri Komoditi dan apa yang baik kita semestinya, kita akan terus memperkasakan demi kebaikan negara dan juga bangsa kita. Semoga industri ini dapat membawa pendapatan kepada rakyat kita dan untuk mensejahterakan negara kita supaya kita terus makmur. Sekian. Tuhan berkati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Setiausaha.

### **Kewarganegaraan Keluarga Soon**

#### **3.14 ptg.**

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu permintaan sebelum saya mulakan jawapan saya iaitu berkaitan dengan topik yang hari ini yang saya bangkitkan adalah berkait, ada sentuh tentang kanak-kanak. Jadi saya ingin mohon jasa baik daripada Tuan Yang di-Pertua supaya dalam selepas ini apabila saya baca, saya akan tidak menyebut nama, butiran peribadi kanak-kanak tersebut iaitu nama dan nombor IC mereka ini untuk memberi perlindungan kepada mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan.

**Tuan Kuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan suatu kes permohonan kewarganegaraan yang melibatkan sebuah keluarga di kawasan saya. Menurut keluarga tersebut, butiran dan kronologi kes adalah seperti berikut.

Pertama, Encik Soon yang merupakan seorang warganegara Malaysia. Beliau berkahwin dengan Cik Tran, seorang warga negara Vietnam dengan nombor passport seperti yang saya tertakluk dalam teks asal. Tarikh

pendaftaran perkahwinan adalah pada Ogos 2006 dengan nombor daftar perkahwinan mereka seperti tertakluk dalam teks asal.

Pasangan ini dikurniakan dengan dua orang anak perempuan yang pada asalnya telah didaftarkan sebagai warga negara. Nama dan nombor IC mereka adalah seperti tertakluk dalam teks asal. Tetapi pada tahun 2012 mereka dimaklumkan bahawa status perkahwinan mereka terbatal. Sebab yang diberikan ialah kerana pegawai yang mendaftarkan perkahwinan telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

■1450

Maka, Jabatan Pendaftaran meminta pasangan ini mendaftarkan perkahwinan semula dan mereka pun mendaftarkan perkahwinan semula pada bulan Julai 2012 dengan nombor pendaftaran yang baharu seperti yang tertakluk dalam teks asal saya. Malangnya oleh kerana pendaftaran baharu ini, status warganegara kedua-dua anak mereka telah terlucut.

Jabatan Pendaftaran telah mengeluarkan sijil kelahiran baharu mereka dan taraf kewarganegaraan mereka menunjukkan bukan warganegara. Maka ibu bapa mereka amat terkejut, mereka telah berkali-kali membuat permohonan kewarganegaraan untuk anak mereka. Pada bulan Mei 2018, mereka membuat permohonan buat kali ketiga untuk kedua-dua anak mereka. Namun sehingga hari ini, tiada maklum balas lagi untuk permohonan ketiga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini amat mendukacitakan kerana dua anak-anak ini telah hilang taraf kewarganegaraan. Mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan malah memang berhak menjadi warganegara mengikut Perlembagaan. Saya berharap pihak kementerian dapat memberi penjelasan terhadap kes ini, khususnya untuk menyelesaikan isu ini.

Perkara paling penting ialah status permohonan kewarganegaraan mereka ini. Apakah status permohonan tersebut? Apakah masalah atau keraguan yang dihadapi oleh jabatan? Saya berharap kementerian dapat menyelesaikan isu ini secepat mungkin kerana ia akan memberi banyak kesukaran kepada kedua-dua anak kecil ini apabila mereka hendak melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau Timbalannya untuk menjawab.



**2.52 ptg.****Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:**

Terima kasih, salam hormat Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah jawapan daripada pihak kementerian buat Yang Berhormat Kota Melaka. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara, ibu bapa kedua-dua subjek iaitu Encik Soon Guan Poh dan Puan Tran Thi Diem telah mengemukakan permohonan pembetulan maklumat bagi sijil kelahiran dua orang anak mereka dan seperti Yang Berhormat Kota Melaka juga, saya akan merahsiakan nama seperti di dalam teks yang ada ini.

Pada 27 Jun 2012, permohonan pembetulan maklumat berkenaan adalah selaras dengan seksyen 27(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]. Setelah itu Tuan Yang di-Pertua, pada 24 Oktober 2012, permohonan pembetulan maklumat berkenaan telah diluluskan dengan membetulkan taraf kewarganegaraan kedua-dua subjek daripada taraf warganegara kepada bukan warganegara.

Kelulusan pembetulan maklumat berkenaan adalah berdasarkan fakta bahawa sijil perkahwinan bertarikh 23 Ogos 2006 bagi ibu bapa kedua-dua subjek disahkan palsu oleh Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN. Ini kerana ia didaftarkan secara tidak teratur.

Manakala berhubung dengan tiga permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi kedua-dua subjek, kementerian telah membuat semakan sewajarnya dan mendapati perkara-perkara seperti mana berikut.

Pertama, permohonan kali pertama telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara pada 28 November 2012. Permohonan berkenaan telah diselesaikan, diproses dan dikeluarkan keputusan tolak pada 17 Januari 2014. Setelah itu permohonan kali kedua telah dibuat di JPN pada 3 Mac 2014. Permohonan berkenaan juga telah selesai diproses dan dikeluarkan keputusan tolak pada 19 Januari 2018.

Seterusnya permohonan kali ketiga telah dibuat di JPN pada 7 Mei 2018. Fail permohonan telah diterima oleh kementerian masing-masing pada 30 Mei 2019 dan 2 Julai 2019. Semakan kertas rekod kementerian mendapati kedua-dua permohonan berkenaan sedang diproses.

Dalam hal ini, bagi kedua-dua permohonan berkenaan atau mana-mana permohonan daripada mana-mana individu yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, kementerian ingin mencadangkan agar para pemohon merujuk terus ke kementerian atau Jabatan Pendaftaran Negara dengan cara hadir ke pejabat dan kaunter atau melalui e-mel dan telefon bagi

mendapatkan khidmat nasihat berkenaan dokumen pengenalan diri atau membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat dengan itu tamat sesi ucapan di bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan Peraturan 17 pada hari ini. Sila Setiausaha.

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

#### **Kemasukan Peta Sabah Pada Muka Hadapan Pasport Filipina**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi ini hari Khamis, 27 Ogos 2020, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbincangan usul ini. Pihak pencadang akan diberi, oleh kerana ada dua orang, saya pun ingin bertanya berapa minit seorang yang hendak berbahas?

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin mengambil masa dalam 30 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** 30 minit?

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Rakan saya mungkin berapa minit?

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Mungkin 10 lebih minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Keseluruhan 30 minit. Saya cadang ambil 20 minit dan 10 minit. Boleh?

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Saya cuba.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kemudian pihak kerajaan akan menjawabnya dalam cukup tempoh lebih kurang 30 minit. Baik. Jadi sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu Sapi kemukakan perbincangan. Mungkin lingkungan masa 20 minit ataupun *plus, plus* dengan izin. Silakan.

**2.57 ptg.**

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk usul ini dibentangkan di Kamar Khas pada petang ini.

Untuk makluman pada minggu lepas, Jawatankuasa Dewan Luar Negara Filipina ataupun dikenali sebagai *Philippine House Committee on Foreign Affairs* telah meluluskan Rang Undang-undang Dewan 6399 ataupun *House Bill* 6399 yang bertujuan menekan dan menegaskan kemenangan kita iaitu Filipina di laut Filipina Barat atas China dalam Tribunal Timbang Tara antarabangsa mereka di Hague, Belanda dan hak-hak sah, dan sejarah kita ke atas Sabah.

Dalam bahasa Inggeris ialah *aims to emphasize and insist on our (Philippines) victory on the West Philippine Sea over China in their International Arbitral Tribunal in The Hague, Netherlands* dan *our legal and historical rights over Sabah*.

Kesan langsung daripada kelulusan rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua, ialah peta-peta *that is the map of Sabah* yang merupakan sebuah rakan kongsi bersama di dalam Persekutuan Malaysia dan juga sebahagian daripada Persekutuan Malaysia akan dicetak dalam muka hadapan pasport Filipina.

Perkara ini amat serius dan sudah pasti Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Luar Negeri sewajarnya mengambil maklum perkara ini dengan tindakan susulan dengan kadar segera. Perkara ini bukan sahaja mengundang bahaya yang tidak berbau kepada rakyat negeri Sabah, malah ia juga boleh memudaratkan negeri ataupun wilayah Sabah.

Ini dari aspek keselamatan sejagat memandangkan jenayah pencerobohan boleh berlaku tanpa kita sedar dan juga jangka. Sabah merupakan satu rakan pengasas ataupun *founding partner* kepada Persekutuan Malaysia pada 1963 melalui Perjanjian Malaysia 1963.

**■1500**

Sabah telah menjadi sebahagian daripada Malaysia, bukan sebahagian daripada negara *Republic of Philippines* pada 1963. Berdasarkan Dasar British untuk melakukan *decolonization* ataupun dekolonisasi setelah Perang Dunia Kedua, British pada masa itu memulakan proses untuk menyerahkan Singapura, Borneo Utara ataupun dikenali sebagai *North Borneo* dan Sarawak.

Rundingan berterusan telah pun dijalankan pada tahun 1961 dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu dan juga wakil-wakil

daripada tiga wilayah iaitu Tanah Melayu, Borneo Utara dan juga Sarawak bersama-sama dengan Brunei pada masa itu dengan tujuan untuk mewujudkan sebuah persekutuan yang lebih besar.

Pada 31 Ogos 1963, Borneo Utara ataupun North Borneo telah mencapai pemerintahan sendiri. Sebelum itu pada tahun 1962 *the famous* Cobbold Commission ditubuhkan dan diketuai oleh Lord Cobbold daripada United Kingdom untuk memastikan pandangan rakyat Borneo Utara dan juga Sarawak.

Mereka mengadakan 50 perbicaraan di 35 pusat yang berbeza, 20 di Sarawak pada masa itu dan 15 di Sabah. Mereka mendapat perwakilan lisan daripada 690 kumpulan yang terdiri daripada 4,000 orang dari semua etnik untuk menyampaikan pandangan mereka melalui konsep Malaysia. Kita sedia ambil maklum bahawa survei ini telah pun dilakukan pada tahun 1962. Masa itu mungkin mereka kenalah menggunakan tentera dan juga kenderaan perahu, bukan kereta untuk masuk ke kawasan-kawasan tertentu di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak pada masa itu.

Suruhanjaya Cobbold akhirnya mendapati 1/3 daripada populasi di Sabah dan juga Sarawak memilih pembentukan Malaysia tanpa syarat. 1/3 memihak kepada Malaysia dengan pelbagai syarat dan perlindungan dan juga 1/3 lagi dibahagikan antara mereka yang berkeras untuk merdeka sebelum Malaysia dan mereka yang lebih suka diperintahi oleh British pada masa itu, 20 peratus terus keras menentang pembentukan Malaysia.

Cadangan Suruhanjaya Cobbold adalah bahawa bergabung dengan Persekutuan Baru Malaysia akan menjadi kepentingan terbaik pada masa itu bagi negara-negara Borneo. Suruhanjaya ini ternyata digemari oleh penduduk dan juga kebanyakan pemimpin masyarakat etnik Sabah seperti Tun Mustapha yang mewakili umat Islam.

Pada masa itu Tun Mustapha Haji Harun dan juga Tun Fuad Stephens mewakili peribumi yang bukan Islam dan juga Datuk Khoo Siak Chiew yang mewakili kaum Cina semua menyokong pembentukan Malaysia dan telah membuat pilihan yang bebas tanpa paksaan untuk menyertai Persekutuan Malaysia.

Berikutan Laporan Suruhanjaya Cobbold ini, pernyataan bersama dikeluarkan pada 1 Ogos 1962 oleh Kerajaan British Tanah Melayu yang menyatakan hasrat untuk membuat perjanjian rasmi untuk pembentukan Malaysia yang akan memberikan perlindungan bagi kepentingan khas Borneo Utara/*North Borneo*, kini dikenali sebagai Sabah dan Sarawak dan perlindungan ini akan meliputi perkara-perkara seperti kebebasan beragama,

pendidikan, perwakilan di Parlimen Persekutuan, kedudukan kaum peribumi, kawalan ke atas imigresen, kewarganegaraan dan seterusnya Perlembagaan Negara.

Ketetapan juga dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perundingan Solidariti Malaysia dan Majlis Perundangan Borneo Utara pada masa itu 1962 untuk meneruskan cadangan Malaysia tetapi dengan syarat-syarat khas, negara-negara Borneo dilindungi. Sebanyak *30 points Manifesto of the Sabah* turut digubal untuk melindungi hak dan juga perlindungan khas seperti agama, bahasa, imigrasi, kelahiran, tanah dan perwakilan di Parlimen Persekutuan antara lain.

Selepas itu MA63 ditandatangani pada tahun 1963 dan perjanjian antarabangsa yang mengikat yang terdiri daripada 11 artikel penandatanganan adalah di antara Kerajaan Britain pada masa itu, Persekutuan Malaysia dan daripada Borneo Utara ialah Sarawak dan juga Singapura. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dimaklumkan pada masa itu wakil tetap daripada PBB iaitu Dr. Ong Yoke Lim daripada Persekutuan Tanah Melayu pada 16 September 1963 bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah ditukar menjadi negara Malaysia.

Akhirnya pada 16 September 1963, Borneo Utara dengan rasminya bersatu dengan Tanah Melayu, Sarawak dan juga Singapura pada masa itu pembentukan Persekutuan Malaysia dan pada masa itu Borneo Utara juga dikenali sebagai Wilayah Sabah.

Tuntutan pihak Filipina terhadap kawasan bahagian Timur Sabah di Malaysia pula terjadi kerana warisan Kesultanan Sulu yang menyatakan bahawa Sabah hanya dipajak oleh Syarikat Borneo Utara British dan Sulu masih mempunyai kedaulatan ke atasnya. Namun permintaan Kesultanan Suluk telah berakhir ataupun *extinguish* pada tahun 93-an apabila negara Filipina dijadikan *the Republic of The Philippines*.

Oleh itu, tidak boleh pula Filipina menggunakan alasan tuntutan bersejarah ini untuk hari ini menjadikan Sabah sebahagian daripada Filipina, malah rakyat Sabah sendiri yang mempunyai hak dalam hal ini tidak bersetuju untuk membuat sedemikian. *The fact of the matter*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah, "*The historical right had been extinguished by virtue of the Formation of the Republic of the Philippines back in the 1930's*".

Lebih lagi Malaysia telah menganggap pertikaian ini sebagai *non-issue* kerana sudah sememangnya tidak ada keinginan dari rakyat sebenar Sabah untuk menjadi sebahagian daripada Filipina atau Kesultanan Sulu. Seperti yang telah dinyatakan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu yang ketiga pada masa itu iaitu Tuan U-Thant, saya percaya daripada Burma pada masa itu.

Kemerdekaan Borneo Utara ataupun *North Borneo* adalah hasil daripada hasrat majoriti rakyat wilayah tersebut sendiri pada pilihan raya 1963. Pengasas-pengasas persekutuan ini telah berusaha keras untuk memastikan agar Malaysia berjaya dan juga maju sebagai sebuah persekutuan yang bersatu dan harmoni.

Perlindungan Perlembagaan Khas turut diberi, bertujuan untuk membolehkan negeri-negeri Borneo tidak hanya mempertahankan autonomi kewangan dan pemerintahan yang dapat diterima dalam Sistem Pemerintahan Persekutuan tetapi juga untuk menyediakan syarat-syarat di mana kedua-dua wilayah ini dapat mencapai kemajuan politik dan juga ekonomi, setaraf dengan negeri-negeri lain yang sudah maju di Persekutuan.

Oleh itu perlindungan ini bertujuan untuk memupuk integrasi nasional dan juga sebuah persekutuan yang bersifat inklusif bersama-sama dengan wilayah yang berada di Borneo, yang merupakan sebahagian daripada Malaysia dan bukannya mana-mana negara lain terutamanya daripada negara Filipina. Oleh itu, tuntutan bersejarah Filipina ini ke atas Sabah tiada meritnya. Rakyat Sabah telah membuat pilihan mereka pada tahun 1963 untuk bersama-sama dengan Tanah Melayu dan juga Sarawak di Persekutuan Malaysia.

Semua fakta ini jelas menunjukkan satu perkara sahaja iaitu tiada asas undang-undang mahupun fakta bagi Filipina menuntut Sabah sebagai sebahagian negara mereka. Kerajaan Persekutuan mesti segera membantah niat jahat Filipina ini untuk memasukkan Sabah dalam peta yang terdapat dalam pasport mereka.

Implikasi ini amat besar Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana dengan pasport mereka yang mengatakan Sabah adalah sebahagian daripada Filipina akan mengelirukan *international community* apabila mereka menggunakan pasport untuk berjalan dan untuk pergi ke negara-negara lain.

Mereka akan memberikan satu *impression* bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Filipina dan juga ini akan memberikan kekeliruan kepada kita sendiri di Malaysia, imigresen kita, sekiranya kita ada pelawat ataupun mereka yang daripada Filipina yang ingin melawat kita di negara ini dan mereka membawa pasport mereka masuk ke negara ini.

#### ■1510

Bagaimana kita akan mengambil tindakan dalam perkara ini kerana kita tidak boleh menerima pasport sedemikian dengan peta yang mengatakan Sabah adalah sebahagian daripada Filipina memandangkan kita tahu daripada

1963, Sabah adalah sebahagian daripada Persekutuan Malaysia, bukan Filipina.

Jadi ini amat penting dan saya harap pihak Kementerian Luar Negeri dapat mengambil tindakan yang tegas terhadap kenyataan yang sering dikeluarkan oleh pihak *Philippines*, daripada Kerajaan *Philippines* dan juga daripada Ahli-ahli *House of Representative* mereka kerana ini telah pun mengambil satu yang amat mengelirukan dan juga menakutkan kita di Sabah ini.

Jadi, saya harap bahawa kenyataan-kenyataan yang datang daripada ahli-ahli politik di negeri Sabah baru-baru ini yang mengatakan perkara ini perlu diambil tegas oleh Ketua Menteri Interim Sabah ini amatlah tidak berasas.

Kita telah pun lihat bahawa seorang mantan Menteri Luar Negeri Malaysia ini daripada Yang Berbahagia Datuk Anifah Aman telah pun mengeluarkan kenyataan yang mengatakan kita punya Ketua Menteri Interim ini telah *memprovoke* dan juga memberikan satu andaian kepada negara *Philippines* untuk membuat kenyataan sedemikian.

*Like you know, encourage Philippines* untuk membuat kenyataan ini dengan tidak mengambil tindakan ini dan itu. Jadi ini adalah satu kenyataan yang palsu daripada pihak mantan Menteri Luar Negeri kita ini. Jadi Kerajaan Filipina juga tidak pernah— kita kena lihat lebih lagi, saya juga kena menyatakan bahawa pada tahun 1961, undang-undang Filipina yang diluluskan bagi menggariskan dasar laut wilayah Filipina yang tidak menyebut tentang keluasan kedaulatan Filipina ke atas Borneo Utara.

Kerajaan Filipina juga pada masa itu tidak pernah membuat tuntutan terhadap wang penyerahan dalam nama kerajaan mereka dan membenarkan tuntutan ini dibuat oleh waris ataupun pewaris Sultan Sulu. Bagaimana bolehkan Filipina mempunyai *local standi* untuk menuntut Sabah setelah bertahun-tahun sekarang dan kesemua fakta ini menunjukkan adalah jelas bahawa Kerajaan Filipina tiada sebarang hak sejarah atau undang-undang untuk menuntut Sabah sebagai wilayah mereka. Jadi, namun mereka terus melulu mengambil tindakan tidak bertanggungjawab dan provokasi seperti ini.

Jadi, saya harap bahawa pihak Kementerian Luar Negeri dapat mengambil tindakan tegas seperti memutuskan atau menggantungkan *diplomatic ties* bersama dengan pihak kerajaan negara Filipina sehingga selesailah isu ini sehinggalah mereka batal atau hapuskan isu menuntut Sabah daripada Malaysia dan kita telah pun nyata dengan terang-terang sekali bahawa Sabah *is part of Malaysia* dan kami wakil rakyat daripada wilayah Sabah ini sentiasa berpegang teguh dengan Persekutuan Malaysia ini dan kita

telah pun membuat keputusan ini untuk menjadi sebahagian daripada Malaysia pada 1963.

Jadi, kita kenalah kekal dengan pendirian ini dan itu saja Tuan Yang di-Pertua daripada saya. Saya rasa rakan-rakan saya daripada sini juga akan terus membangkitkan isu-isu yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Sapi. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu dan saya difahamkan Yang Berhormat Kalabakan juga mahu. Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu 10 minit.

### **3.14 ptg.**

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** 10 minit ya. Okey. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas memberikan peluang kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu untuk turut serta dalam perbincangan usul tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Sapi bagi mengutuk tindakan provokasi yang tidak masuk akal dan tidak rasional daripada pihak Dewan Perwakilan Filipina melalui Jawatankuasa Dalam Dewan Luar Negeri pada 20 Ogos yang meluluskan rang undang-undang yang mewajibkan percetakan Sabah ke dalam peta Filipina dalam pasport warganegara Filipina.

So, sebagai anggota Parlimen yang terpilih dari Sabah yang mewakili Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah, saya mendapati bahawa tindakan mencetak Sabah pada peta Filipina dan menyatakan Sabah sebagai sebahagian daripada Filipina adalah tindakan provokasi yang sangat mendalam. Bukan hanya terhadap Persekutuan Malaysia tetapi juga kerajaan dan rakyat Sabah.

Kami sangat-sangat tersinggung terhadap tindakan *House of Representative* Filipina yang dibawa oleh Rufus Rodriguez, wakil bagi Cagayan De Oro. Saya ingin menyatakan bahawa Filipina tidak mempunyai sebarang asas langsung untuk membuat tuntutan terhadap mana-mana wilayah di Sabah, terutamanya sejak Kerajaan Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada 1963 dan mereka— kerajaan kita sejak 2013 kita pun berhenti membuat pembayaran apa pun kepada waris Kesultanan Sulu.

Saya ingin menegaskan bahawa Manila tidak pernah memerintah Sabah sejak dari awal lagi. Asas utama Filipina untuk tuntutannya ke atas Sabah adalah bahawa ia adalah pengganti atau pewaris Kesultanan Sulu yang sah. Masalah dengan asas ini adalah bahawa Manila sendiri tidak menguasai wilayah Sulu secara langsung kerana kawasan ini sekarang pun berada di bawah pemerintahan otonomus oleh wilayah bebas Islam Bangsamoro di Mindanao.



So, kami juga menyatakan bahawa Filipina dari dahulu lagi telah mengabaikan kebajikan warga negara mereka yang dari Kepulauan Sulu yang sekarang terpaksa melakukan perjalanan perantauan sehingga ke Pantai Timur Sabah atau yang secara haram untuk mencari pekerjaan, untuk mencari nafkah.

Ramai warganegara *Philippines*, dari Filipina Selatan yang pernah tinggal di Pantai Timur Sabah termasuk Sandakan, Lahad Datu dan Tawau telah menikmati kedamaian dan kemakmuran yang tercapai melalui dasar-dasar stabil Kerajaan Persekutuan Malaysia sehingga mereka telah memutuskan untuk tinggal secara kekal di Sabah.

Bukan apa yang memperoleh kewarganegaraan Malaysia ada juga yang secara sah, ada yang melalui projek IC. Kerajaan Persekutuan Malaysia telah dapat menyediakan persekitaran yang aman dan damai kepada masyarakat di Sabah melalui *rule of law*, dengan izin dan bahawa rakyat Sabah yang berlainan budaya dan agama termasuk penganut-penganut Kristian dan penganut Islam dapat hidup bersama secara harmoni.

Sebaliknya kita sering mendengar konflik berlaku sepanjang masa di Filipina Selatan dengan serangan penganas, penculikan dan pengeboman. Keadaannya sangat teruk sehingga rakyat Filipina terpaksa melarikan diri dan berlindung di Sabah di bawah perlindungan Kerajaan Persekutuan Malaysia.

So, sekiranya Manila tidak dapat menyelesaikan masalah seperti itu di kawasan mereka sendiri, mereka sepatutnya berhenti membuat tuntutan ke atas mana-mana wilayah dan tanah Sabah. Tidak ada orang di Sabah di sini yang ingin diperintah di bawah pemerintahan yang tidak dapat memberikan keamanan kepada warganegara.

Di bawah ASEAN dan juga BIMP-EAGA, terdapat juga banyak potensi kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Filipina Selatan dan kita pernah mendorong lebih banyak aktiviti ekonomi, pengangkutan dan perdagangan rentas dengan perkhidmatan feri *roll on* dan *roll of* antara Kudat dan Balawan.

Kami sangat kesal kerana anggota Kongres Filipina nampaknya salah meletakkan keutamaan mereka. Sekarang dengarnya Sabah untuk dicetak dalam pasport warganegara Filipina, Kerajaan Malaysia mungkin terpaksa menganggap semua pasport ini sebagai tidak sah seperti mana pasport Israel yang diperlakukan di sini.

Ini pada dasarnya menyekat semua warganegara Filipina yang memiliki pasport yang *offensive* ini daripada memasuki Malaysia. Adakah ini yang dikehendaki oleh Kongres Filipina untuk rakyat mereka?

Saya dengan ini memohon agar Kongres Filipina segera menarik balik kelulusan mereka untuk mencetak Sabah pada pasport warganegara mereka dan mereka juga harus berhenti menuntut Sabah seolah-olah rakyat Sabah dan tanah kita adalah komoditi yang boleh diperdagangkan secara sesuka hati. Kami tidak lagi hidup di era kolonial yang menggunakan sistem pemerintahan melalui penaklukan.

■1520

Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia sejak penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 dan kami rakyat Sabah sangat dilukai oleh tuntutan yang tak masuk akal oleh Filipina. Kita harus menjalinkan persahabatan, bukan saling memusuhi.

Dengan ini kita ingin menyahut seruan Presiden Parti Warisan Sabah, Dato' Seri Panglima Shafie Apdal bahawa Wisma Putra mesti meminta kehadiran duta Filipina ke Malaysia bagi menjelaskan tindakan Kongres Filipina dan membantah sekeras-kerasnya tindakan Manila yang terus menerus mempersoalkan kedaulatan Sabah di bawah Malaysia.

Rakyat Sabah sekarang dalam mendapat jaminan keselamatan dan perlindungan penuh ketika membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Oleh itu Kementerian Luar negeri, Malaysia kini harus bertindak balas dengan sekeras-kerasnya dalam perkara ini yang merupakan pelanggaran kedaulatan Sabah dan dengan ini saya ingin menyokong usul tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Sapi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Kalabakan.

**3.41 ptg.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum mengenai isu negara Filipina yang baru-baru ini memasukkan wilayah Sabah dalam peta pasport mereka, saya juga ingin mengutuk sikap Kerajaan Filipina yang sewenang-wenangnya membuat keputusan yang boleh mengguris hati negara jiran terdekat.

Negeri Sabah merupakan salah satu wilayah di Malaysia dalam pembentukan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963 selain daripada Sarawak dan Singapura. Juga melalui Suruhanjaya Cobbold yang diadakan pada tahun 1962. Pada masa itu Kerajaan British dan Malaya membentuk suruhanjaya tersebut bagi mengambil kira pandangan-pandangan penduduk

Borneo Utara iaitu Sabah dan Labuan dan Sarawak mengenai gagasan penubuhan Malaysia.

Melalui laporan suruhanjaya tersebut, salah 1/3 daripada setiap penduduk wilayah Borneo Utara dan Sarawak pada masa itu bersetuju untuk membentuk Malaysia tanpa sebarang terma dan syarat. Manakala 1/3 lagi setuju untuk membentuk Malaysia dengan syarat seperti isu keselamatan dan 1/3 lagi menegaskan kemerdekaan sebelum bersetuju membentuk Malaysia dan ada juga yang masih mahu British terus memerintah bagi beberapa tahun lagi.

Jika kita melihat persetujuan Manila pula, pada 31 Julai 1963 satu perjanjian telah ditandatangani oleh tiga buah negara, iaitu Persekutuan Malaya, Republik Indonesia dan Republik Filipina, di mana Tunku Abdul Rahman, Presiden Sukarno dan Diosdado Macapagal menandatangani persetujuan Manila ini bahawa kemasukan Borneo Utara iaitu Sabah sekarang dalam sebahagian daripada Malaysia tidak akan dijadikan isu sama ada tuntutan atau sebarang hak dalam wilayah Filipina.

Tambahan pula Filipina dan Indonesia bersetuju untuk menarik balik bantahan mereka bagi pembentukan Malaysia pada waktu itu. Oleh yang demikian, jika kita melihat sejarah perjalanan Suruhanjaya Cobbold, persetujuan Manila dan Perjanjian Malaysia 1963 sudah jelas bahawa Sabah merupakan rakan kongsi dalam Malaysia dan bukannya dalam wilayah negara Filipina.

Dengan kedaulatan negara, demi kedaulatan negara, kepentingan orang ramai dan keselamatan rakyat Malaysia khususnya di Sabah, saya amatlah berharap agar Wisma Putra segera membuat satu penegasan yang keras ataupun langkah pendekatan yang efektif kepada Kerajaan Filipina agar menarik semula kenyataan mereka yang memasukkan Sabah dalam peta passport mereka dan memperakui bahawa Sabah merupakan salah satu wilayah yang terletak dalam Malaysia secara sah di sisi undang-undang, mahupun sebarang perjanjian.

Saya juga ingin menarik perhatian kenyataan Yang Berhormat Semporna, yang juga merupakan *Chief Minister* sekarang turut mengharap ketegasan tanpa kompromi daripada Wisma Putra untuk menyatakan *diplomatic warning* dengan izin kepada Kementerian Luar Negara Filipina untuk menghentikan segala tindak tanduk yang diluluskan dalam peruntukan rang undang-undang tersebut. Dengan ini saya menyokong usul Yang Berhormat Batu Sapi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berbahas? Tak ada? Yang Berhormat Sandakan. Baik. Ahli Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri atau Timbalannya untuk menjawab.

**3.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat saya Yang Berhormat Batu Sapi kerana telah mengemukakan usul berhubung perkembangan terbaharu di Republik Filipina yang amat berkait rapat dengan kepentingan utama negara kita, Malaysia.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kalabakan kerana turut mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting ini. Sebagaimana Yang Berhormat Batu Sapi sudah maklum, kita dapat mengadakan perbahasan usul tergepar ini kerana ini membuktikan kesediaan pihak Parlimen dan pihak Kementerian Luar Negeri untuk isu ini dibahaskan dengan cara yang terbaiknya dan tempat yang terbaiknya ialah di Dewan Parlimen kita ini.

Jadi atas hal dan keadaan itu dan sebagaimana yang kita semua maklum rekod Yang Berhormat Batu Sapi dalam Kabinet dahulu pun, amat memandang berat akan kuatnya negara Malaysia ini dan kedudukan yang penting untuk semua negeri-negeri dalam negara kita, termasuklah berkaitan dengan isu MA63. Saya yakin ini juga pendirian semua wakil rakyat dan semua parti politik dalam seluruh Malaysia, termasuk juga daripada negeri Sabah tanpa mengira mana-mana parti sekalipun.

Walau bagaimanapun, saya perlu menyebutkan latar belakangnya dahulu berkaitan dengan isu ini. Bahawa kita perlu memahami latar belakang perkembangan terbaharu yang disebutkan dalam usul dan juga semasa perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Sebelum saya menerangkan secara lanjut, saya ingin memperbetulkan kandungan usul yang dibangkitkan Yang Berhormat Batu Sapi bahawasanya perkara ini bukan langkah terbaharu Kerajaan Filipina ataupun pendirian rasmi Kerajaan Filipina.

Ianya adalah bertaraf cadangan yang dibawakan oleh Anggota Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina atau dengan izin, *the Committee on Foreign Affairs of the Philippines House of Representative* yang

saya akan terangkan seperti berikut. Baru-baru ini, Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina atau dengan izin *the Committee on Foreign Affairs of the Philippines House of Representative* telah mengadakan proses untuk mewujudkan rang undang-undang gantian *substitute bill* dengan izin bagi meminda, mengganti atau memansuhkan Akta Republik ataupun *Republic Act* dengan izin *number 8239* yang juga dikenali sebagai Akta Pasport Filipina atau dengan izin, *Philippines Passport Act 1996*.

Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh 46 Ahli Dewan Perwakilan Filipina. Cadangan-cadangan pindaan yang telah diluluskan di peringkat jawatankuasa tersebut, meliputi antara lain perkara-perkara berhubung tujuan Akta Pasport Filipina, penubuhan pusat pemprosesan dan pengeluaran pasport di setiap wilayah di Filipina. Pemudahan proses dokumentasi dan senarai kelayakan untuk mendapatkan pasport rasmi dan pasport diplomatik dan penetapan tempoh sah laku pasport Filipina bagi warga emasnya.

Berdasarkan maklumat yang kita di Kementerian Luar Negeri perolehi, salah seorang ahli jawatankuasa berkenaan, ahli jawatankuasa yang disebutkan ini dari Cagayan de Oro telah membuat cadangan rang undang-undang pindaan untuk memasukkan kawasan maritim yang dituntut oleh Filipina di Laut China Selatan yang mereka kenali sebagai *West Philippines Sea*, dengan izin dan juga wilayah Sabah ke dalam peta Filipina dengan tujuan peta baru tersebut dimasukkan dalam pasport Filipina. Jadi, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apakah status cadangan Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina dan proses kelulusan rang undang-undang Filipina mengikut sistem Kongres Filipina.

#### ■1530

Setakat ini, cadangan rang undang-undang tersebut yang kita bahaskan pada hari ini masih belum lagi dikategorikan sebagai rang undang-undang Dewan Perwakilan Filipina, *not yet considered as the House Bill of the Philippines People of the Representatives*, dengan izin.

Berdasarkan proses penggubalan undang-undang di Filipina yang kita ketahui cadangan rang undang-undang tersebut masih perlu melalui pelbagai peringkat Jawatankuasa Perolehan atau *House Committee on Appropriation*, dengan izin dan Jawatankuasa Peraturan atau *House Committee on Rules*, dengan izin sebelum dibentang untuk bacaan kali kedua dan ketiga dan diluluskan di Dewan Perwakilan Filipina, dengan izin *the House of Representatives of the Philippines*.

Cadangan rang undang-undang tersebut kemudiannya akan dirujuk untuk perbahasan dan kelulusan di Dewan Senat atau *the House of Senate*,

dengan izin. Dewan Perwakilan dan Dewan Senat merupakan dua *Chamber* atau Kamar Kongres Filipina atau *the Philippines Congress*. Hanya setelah rang undang-undang tersebut diluluskan oleh Kongres Filipina dan melepasi beberapa peringkat perundangan dan kajian semula atau *legislative and review* dengan izin, barulah ia akan diangkat untuk kelulusan oleh pihak Presiden Negara Republik Filipina.

Jadi, apakah pendirian Malaysia? Apa yang paling penting kepada kita Malaysia ialah bukannya proses bagaimana cadangan rang undang-undang ini akan disusuli. Akan tetap— dan ini kita senada semuanya. Akan tetapi sudah tentunya ialah cadangan rang undang-undang itu sendiri.

Pendirian Malaysia berhubung isu ini amat jelas dan konsisten. Malaysia tidak akan sekali-kali dan sampai bila-bila pun melayan apa lagi mengiktiraf sebarang bentuk tuntutan oleh mana-mana pihak asing ke atas Negeri Sabah kita ini.

Kita sedia maklum bahawa isu tuntutan ke atas Sabah kadangkala dimainkan oleh beberapa ahli politik di Filipina bagi kepentingan politik dalaman mereka. Isu ini sering dijadikan modal politik terutamanya segelintir ahli politik daripada Kepulauan Luzon untuk kononnya menzahirkan semangat patriotik tetapi pada hakikatnya sebenarnya hanya bersifat kosmetik dalam usaha mereka meraih sokongan rakyat selatan Filipina. Isu ini kerap dibangkitkan menjelang pilihan raya di Filipina. Bukan di Malaysia bukan di Sabah. *[Ketawa]*

Kita menganggap permainan politik sebegini adalah tindakan yang sia-sia dan tidak bertanggungjawab. Jelas sekali tindakan sebegini tidak sensitif dan tidak mengambil kira hubungan baik yang sudah lama terjalin antara Malaysia dan Republik Filipina dan semangat setia kawan serta kerjasama dalam ASEAN.

Kita semua sedia maklum isu tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina bukan sahaja tidak berasas malah tidak relevan. Sabah adalah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia berasaskan fakta-fakta yang jelas seperti berikut:

- (i) pada tahun 1962 rakyat Negeri Sabah telah dengan jelas menentukan sendiri hak mereka dengan izin, *in the exercise of their self-determination* supaya Sabah berada dalam Persekutuan Malaysia. Keputusan referendum Suruhanjaya Cobbold yang ketiga-tiga Yang Berhormat tadi sebutkan seperti yang termaktub dalam laporan bertarikh 1 Ogos 1962 menentu sahkan aspirasi dan keputusan rakyat negeri Sabah untuk menyertai

Persekutuan Malaysia. Di bawah prinsip undang-undang antarabangsa, seseorang individu boleh melaksanakan hak menentukan sendiri pemerintahan negeri mereka dengan izin, *self-determination* hanya sekali sahaja dalam sejarah negeri mereka. *There can be no second, third or fourth referendum after a referendum has already been done*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Negeri Sabah telah melaksanakan hak tersebut di hadapan Suruhanjaya Cobbold;

- (ii) pada 14 September 1963, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melaporkan kepada Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia. Sejak daripada itu, Bangsa-bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa mengiktiraf Sabah sebagai dengan izin, *an inseparable, unalienable and integral part of Malaysia*;
- (iii) pada 16 September 1963 Sabah rasminya menyertai Persekutuan Malaysia. Kita di Malaysia, kita rakyat Malaysia akan meraikan dan merayakan tarikh keramat 16 September dalam masa tiga minggu lagi bersama-sama [*Tepuk*]; dan
- (iv) semenjak 1963, negeri Sabah menjadi sebahagian daripada kedaulatan dan keutuhan bersama kita wilayah Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan aspek-aspek sejarah dan perundangan mengenai status negeri Sabah dalam Malaysia. Apa juga tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak asing ke atas negeri Sabah berdasarkan sejarah terdahulu atau atas apa-apa alasan lain tidak lagi relevan serta tidak terpakai.

Seperkara lagi yang ingin saya tekankan ialah keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2001. Semasa perbicaraan kes antara Malaysia dan Indonesia berhubung kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan pada tahun tersebut, pihak Filipina telah memohon untuk mencelah dengan izin, *intervene* dalam kes tersebut berdasarkan tuntutan mereka ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, permohonan Filipina untuk mencelah *intervene* itu telah ditolak oleh ICJ.

Lebih daripada penolakan permohonan Filipina tersebut salah seorang Hakim ICJ yang terlibat dalam perbicaraan kes Sipadan dan Ligitan iaitu Hakim

*Ad-Hoc* Thomas Frank dalam penghakiman berasingan telah mengulas dan saya petik sebahagian daripada ulasan beliau mengatakan bahawa, “*Prinsip undang-undang antarabangsa moden tidak mengiktiraf hak kedaulatan semata-mata berdasarkan sejarah, tidak dalam apa jua keadaan selepas hak menentukan pemerintahan sendiri dilaksanakan kerana ia menerima pengiktirafan antarabangsa oleh organ politik Bangsa-bangsa Bersatu. Maka tuntutan berdasarkan sejarah dan hak-hak sebelum era kolonial telah berakhir dan kini hanya menjadi peristiwa sejarah.*”

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan pula tindakan Kementerian Luar Negeri. Setiap kali kenyataan berhubung isu tuntutan ke atas Sabah timbul, Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan segera bagi menolak kenyataan-kenyataan tersebut.

Sama ada kita mengemukakan nota bantahan, mengeluarkan kenyataan media atau sebagaimana dibayangkan tadi memanggil Duta Besar Filipina ke kementerian. Tindakan-tindakan sedemikian adalah bertujuan menegaskan pendirian Malaysia terhadap status negeri Sabah.

Kementerian ini sedang memantau rapi perkembangan cadangan rang undang-undang oleh Ahli Dewan Perwakilan Filipina yang menjadi subjek usul dan perbahasan kita pada petang ini. Penting untuk saya tegaskan sekali lagi bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina ini bukanlah pendirian rasmi Kerajaan Filipina. Ia adalah polemik yang sengaja diulang oleh ahli politik Filipina bagi tujuan hanya untuk meraih sokongan politik domestik Filipina semata-mata.

Kementerian sedang mempertimbangkan beberapa opsiyen sebagai reaksi balas kita berdasarkan perkembangan situasi atau status cadangan rang undang-undang tersebut. Kementerian tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas. Opsiyen yang ada pada kita tidak hanya terbatas kepada tindakan-tindakan yang telah kita ambil sebelum ini seperti yang kita gariskan tadi.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Luar Negeri sentiasa memandang serius apa-apa isu berkaitan hak kedaulatan negara termasuk Sabah dan kekal konsisten dalam pendirian tegas untuk tidak melayani sebarang tuntutan seperti ini.

Di kesempatan ini, saya juga mengharapkan agar pemimpin-pemimpin kita di peringkat negeri atau di peringkat Persekutuan tidak mengeruhkan lagi situasi demi kepentingan mana-mana pihak sekalipun. Kementerian juga akan meneruskan perbincangan dengan kementerian dan agensi lain yang



berkaitan dan juga dengan Kerajaan Negeri Sabah sebelum memutuskan opsi-opsi yang akan dilaksanakan.

Jadi sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri amat menghargai sentimen dan sokongan terhadap pendirian Malaysia seperti mana kita semua dengar dizahirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ini.

Saya ingin menekankan bahawa kementerian amat prihatin dan sentiasa mengambil berat berkenaan isu ini. Kerajaan tidak akan sekali-kali berganjak dan berkompromi dalam hal mempertahankan kedaulatan dan keutuhan Malaysia, negara yang kita cintai ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan demikian saya tutup perbahasan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.41 petang]***